



## NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dalam Kelas dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kelas, Kepala & Sub-Kepala UPKJ	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
LSD/15/2021	Kampung Sarikei Extension, Phase 2, Stage 2, Sarikei	Class A/B Head III, Subhead 1 & 2	66.50	Open	30.9.2021 (4.00pm)	6.10.2021 (12.00pm)

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN, SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak.
3. Bayaran yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**. Bayaran boleh juga dibayar melalui **SarawakPay**.
4. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai 17.9.2021 hingga 30.9.2021 pada waktu pejabat di alamat Tingkat 3, Ibu Pejabat, Jabatan Tanah dan Survei, Menara Pelita, Jalan Tun Abdul Rahman Ya'akub, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak. **Penender adalah dikehendaki membuat temujanji sebelum datang ke Pejabat ini untuk memperolehi Dokumen Tender. Temujanji boleh dibuat melalui Sistem Janji Temu Jabatan Tanah dan Survei yang didapati di laman web <https://jts.sarawak.gov.my/jtjts/index.php> atau dengan mengimbas QR Code di bawah.**
5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor dan Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

**Pengerusi**  
**Lembaga Tender Pusat Negeri**  
**d/a Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri**  
**Tingkat 14, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, 93502 Kuching**

6. Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Tender **lebih awal dari Tarikh dan Masa Tutup** yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Tender pada hari Tender ditutup. **Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan Petender dapat mengemukakan Dokumen Tender sebelum Tarikh dan Masa Tutup Tender.**  
Jabatan **tidak akan bertanggungjawab** sekiranya Petender gagal/ lewat untuk mengemukakan Dokumen Tender pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.
7. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

**Abdullah bin Julaihi**  
**Pengarah Tanah dan Survei**  
**Sarawak**

Imbas untuk temujanji



JANJI TEMU JTS